



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8 /2011

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN PENGURNIAAN TAMBANG
BAGI MENUNAIKAN FARDHU HAJI (PINDAAN)

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang masih dalam perkhidmatan maupun yang telah bersara yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang bagi Menunaikan Fardhu Haji adalah dipinda seperti berikut:

2. Tempoh kelamaan perkhidmatan

2.1. Dipinda daripada, **“berkhidmat selama 15 tahun”** kepada **“berkhidmat selama 12 tahun”**.

3. Lain-Lain Syarat

3.1. Syarat-syarat lain bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk memohon tambang ini adalah masih sama sepertimana yang digariskan di Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2011.

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1. Peraturan ini mula berkuatkuasa pada **1 Januari 2012**

Sekianlah sahaja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“KELUARGA BAHAGIA HIDUP BERJAYA”

[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (8) JPM/SK/2011
Tarikh : 17 Syaaban 1432
19 Julai 2011